

# Luaskan pasaran barangan berinovasi

UM 29 JUN 2003

CYBERJAYA 28 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, barangan hasil inovasi, idea dan ciptaan rakyat Malaysia berpotensi besar untuk "dipasarkan di mana sahaja jika menggunakan strategi pemasaran yang baik termasuk kaedah pembungkusan berkualiti.

Perdana Menteri berkata, sekiranya keluaran itu tidak dapat "dibungkus dengan baik dan berkualiti, keluaran yang baik sekalipun mungkin tidak dapat dijual.

Sehubungan itu, menurut beliau, kaedah pembungkusan dan pemasaran sangat penting kepada keluaran teknologi tinggi yang hendak dipasarkan.

Dr. Mahathir yakin keluaran teknologi yang cuba dikeluarkan di negara ini mempunyai potensi pasaran, namun akan mengambil masa disebabkan ia dimajukan daripada hasil kaji selidik.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas melawat kilang InventQjaya Sdn. Bhd., sebuah pusat inovasi penciptaan di sini hari ini.

"Banyak lagi yang perlu dibuat kerana produk yang hendak dihasilkan adalah berasaskan daripada kaji selidik. Mana-mana barang yang hendak dikeluarkan pun mengambil masa juga," katanya.

Dr. Mahathir yang melawat kilang itu bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berpuas hati dengan keluaran teknologi terkehadapan kilang berkenaan yang meliputi bateri logam kuasa, bateri air kuasa serta peralatan teknologi audio tiga dimensi.

Bateri logam kuasa dan

bateri air kuasa berpotensi digunakan sebagai sumber kuasa kereta bagi menggantikan penggunaan minyak.

Tambah Dr. Mahathir, kerajaan melihat keluaran seperti itu mempunyai potensi kepada negara dan kerajaan sedia membantu menyediakan makmal kajian untuk pengeluarannya.

InventQjaya merupakan sebuah syarikat dari Amerika Syarikat yang beroperasi sejak Januari lalu dan mempunyai ibu pejabatnya di New York.

Sebelum melawat kilang berkenaan, Dr. Mahathir te-

lah merasmikan upacara pecah tanah pembinaan fasa kedua kampus Universiti Multimedia (MMU) bersebelahan kampus cawangan Cyberjaya di sini.

Pembinaan kampus fasa kedua itu bagi membolehkan ia menampung 4,000 pelajar lagi serta dengan tambahan kemudahan kepada mereka.

Projek yang mengambil masa selama tiga tahun itu akan melibatkan pembinaaan dua bangunan untuk Fakulti Teknologi Maklumat (IT) dan Fakulti Pengurusan, sebuah dewan utama, sebuah pusat sukan tertutup, terma-

suk gimnasium dan sebuah medan selera.

Projek itu yang berharga RM80 juta akan dimajukan di atas tapak seluas kira-kira 440,000 kaki persegi.

Universiti Multimedia ditubuhkan pada tahun 1996 dengan matlamat menyediakan graduan bidang IT dan multimedia yang mampu bergerak seiring dengan perkembangan bidang berkenaan secara global.

Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah selaku Canselor Universiti Multimedia kemudiannya melawat bilik kuliah animasi dan e-galeri Fakulti Multimedia Kreatif.